

519:  
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENYERU KAUM GURU SUPAYA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SETIAP PERUBAHAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS MEREKA DENGAN BERKESAN.

KATANYA, KAUM GURU HENDAKLAH LEBIH GIAT MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN PENUNTUT-PENUNTUT DARIPADA HAL-HAL LAIN DI SAMPING BERSIKAP ADIL TERHADAP MEREKA TANPA MENGIRA FAKTOR POLITIK, KETURUNAN DAN UGAMA.

BERUCAP MELANCARKAN HARI GURU DI SINI BELIAU BERKATA, PENUNTUT-PENUNTUT MESTILAH DILATIH SERTA DIDIDIK SUPAYA BOLEH BERFIKIR DAN MEMBERI PENDAPAT MEREKA DENGAN WARAS SERTA MENGANALISA MASALAH-MASALAH DAN MEMBUAT PENYELESAIAN DENGAN CARA SENDIRI DAN RASIONAL.

MEREKA JUGA PATUT MEMPUNYAI AKHLAK DAN NILAI-NILAI YANG TINGGI, PERDIRIAN YANG TETAP DAN DISIPLIN YANG KUAT SUPAYA TIDAK MUDAH DIPENGARUH OLEH ANASIR-ANASIR YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN YANG TERGESA-GESA, KETERLALUAN DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. -- BERSAMBUNG 1253/A1

520:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, MENYERU KAUM GURU MENGELAKKAN DIRI DARI MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPERCAYAAN PENUNTUT TERHADAP IBUBAPA ATAU PENJAGA MEREKA.

KAUM GURU JUGA HENDAKLAH MENGELAKKAN DIRI DARI MENYEBARKAN AJARAN YANG BOLEH MEROSAKKAN KEPENTINGAN PENUNTUT, MASYARAKAT ATAU NEGARA ATAU YANG BERTENTANGAN DENGAN RUKUNEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA THEMA PERAYAAN HARI GURU TAHUN INI -- +PENDIDIKAN MORAL DALAM ZAMAN KEMAJUAN+ -- ADALAH SANGAT SESUAI DENGAN KEHENDAK ZAMAN.

KATANYA, KEMAJUAN DAN KEBAHAGIAN SESUATU BANGSA DAN KAUM TIDAK AKAN TERJAMIN DAN KEKAL HANYA DENGAN ADA KEMEWAHAN HIDUP DARI SEGI KEBENDAAN SEMATA-MATA. -- BERSAMBUNG 1256/A1

521:  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MALAHAN KEMEWAHAN INI BOLEH MEMBAWA KEPADA KERUNTUHAN MORAL ATAU AKHLAK DI KALANGAN ANGGOTA MASYARAKAT DAN MENJADIKAN KEHIDUPAN MEREKA KELUH KESAH DAN TIDAK TENTERAM LAGI.

SEKARANG TELAH TERDAPAT TITIKMULA +ORANG+ TELAH MELUPAKAN ADAT, SOPAN SANTUN DAN HORMAT MENGHORMATI SESAMA MANUSIA.

MALAHAN TERDAPAT ANAK YANG TERLALU BIADAP TERHADAP IBUBAPA, PENUNTUT TERHADAP GURU, SATU KUMPULAN MASYARAKAT DENGAN SATU KUMPULAN MASYARAKAT YANG LAIN.

+PERKARA INI JIKA TIDAK DINYATAKAN TERUS-TERANG KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT, KITA AKAN MENYAPATI SATU KETIKA NANTI RAKYAT NEGARA KITA RUNTUH BUDI PEKERTI MEREKA. -- KATANYA.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA MATLAMAT KERAJAAN IALAH MEMBERI PENDIDIKAN SECUKUPNYA KEPADA ANAK MUDA SUPAYA MEMAHAMI KEBUDAYAAN NEGARA, MEMPEROLEHI PENGETAHUAN YANG CUKUP UNTUK PERSEDIAAN MEREKA MENGHADAPI SEGALA CABARAN PADA MASA DEPAN.

BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI, PERLULAH ADA PERSEFAHAMAN ANTARA SEMUA LAPISAN RAKYAT DAN MASYARAKAT YANG BERTERASKAN ANAK MUDA SEBAGAI TULANG BELAKANGNYA. -- BERSAMBUNG 1258/A1

522:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+OLEH ITU ADALAH MENJADI KEWAJIPAN SETIAP ORANG MENENTUKAN BAHAWA ANAK MUDA KITA DAPAT MENUNJUKKAN SUATU CARA PERTUTURAN DAN TINGKAH LAKU YANG BAIK, DI SAMPING DISIPLIN YANG KUAT, BERSIKAP SEDIA BERKHIDMAT DAN RELA BERKORBAN UNTUK BANGSA, NEGARA DAN UGAMA. +

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA BELIAU AKAN MEMBANTU ME-  
NYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI UNTUK MENUBUHKAN YAYASAN GURU DEMI KEBAIKAN PROFESION PERGURUAN.

BELIAU MENYERU JAWATANKUASA YAYASAN TERSEBUT MENERUSKAN TUGAS SEHINGGA WUJUD SEBUAH YAYASAN YANG DIMILIKI PENUH OLEH KAUM GURU.  
— BERSAMBUNG 1304/A1

523:

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Hari Guru, Encik Kum Boo, berkata tugas utama guru ialah memberi pendidikan moral yang tinggi kepada para pelajar untuk membena masyarakat yang kuat.

Tambahnya, Ibubapa dan guru juga hendaklah memainkan peranan sebagai ejen yang bertanggungjawab dan bersama-sama menjaga identiti profesyen perguruan di negeri ini.

Para peserta di upacara itu kemudian melafazkan 'ikrar guru' yang diketuai oleh Encik Nordin bin Haji Mahmud dan kemudian ikrar itu diserahkan kepada Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga telah menyampaikan pingat emas kepada lima orang tokoh guru tahun ini yang telah memberi sumbangan bukan saja dibidang pelajaran tetapi kegiatan masyarakat.

Pemenang pertama ialah Allahyarham Haji Kassim bin Harun. Allahyarham pernah menjadi setiausaha Agung Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Setiausaha Penal Guru, Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru-Guru.

Hadiah itu telah diterima oleh anaknya Amir yang sedang belajar darjah VI di sekolah Jalan Gurney di sini.

Lain-lain penerima ialah Encik Muhammad bin Haji Abdullah dari Kelantan yang telah bersara tetapi masih aktif dalam kegiatan

masyarakat, Encik Ali bin Mohamed Yunus dari Johor, Encik Tan Chee Meng dari Perak dan Encik V.K. Thillaikannu dari negeri Sembilan.

Upacara kemuncak ialah penyampaian buku Tatasusila-Profession Perguruan oleh Encik Kum Boo kepada Dr. Mahathir. Buku itu mengariskan enam faktor penting tanggungjawab seseorang guru terhadap masyarakat, negara, pelajar, ibubapa, rakan sejawat dan profession mereka. — BERNAMA 1310/A1

183